



SIARAN MEDIA

KPWKM LANCAR PAKEJ KASIH MADANI 2.0, PERKUKUH INSTITUSI KELUARGA

PUTRAJAYA, 9 NOVEMBER – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini mengumumkan pelancaran Pakej KASIH MADANI 2.0 sebagai langkah proaktif bagi memperkuat hubungan pasangan suami isteri serta peranan bapa sebagai tonggak keluarga. Pelancaran ini disempurnakan oleh YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail sempena Majlis Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2025.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam ucapannya menegaskan, fenomena sosial yang semakin mencabar sejak kebelakangan ini menuntut kepada pengukuhan peranan institusi keluarga sebagai asas pembinaan masyarakat yang stabil dan berdaya tahan.

Pakej KASIH MADANI 2.0 dibangunkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan penglibatan para akademik serta pakar rujuk bidang kekeluargaan termasuk daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Pakej ini merangkumi dua modul utama iaitu Modul Romantika Cinta dan Modul Kebapaan khusus untuk pasangan yang baru mendirikan rumahtangga dan para bapa.

Pakej latihan kemahiran keibubapaan Romantika Cinta bertujuan menyemarakkan nilai KASIH dalam perkahwinan dan membimbing pasangan untuk saling mengenali, memahami dan menerima satu sama lain seperti tip komunikasi dan penyelesai konflik rumah tangga. Manakala Modul Kebapaan pula memberi fokus kepada peranan bapa sebagai peneraju kepimpinan keluarga termasuk sebagai pelindung dan pencari nafkah.

Selaras dengan matlamat Kerajaan MADANI untuk membina masyarakat yang inklusif dan berdaya tahan, sejumlah RM4.1 billion telah diperuntukkan kepada KPWKM melalui Belanjawan 2026 bagi melaksanakan pelbagai inisiatif bersifat inklusif dan berimpak tinggi termasuk insentif untuk keluarga seperti Program Bantuan Kesuburan

dan Advokasi Infertiliti (BuAI), program pendidikan keibubapaan serta inisiatif baharu iaitu Agenda Nasional KASIH Keluarga Negara yang menfokuskan kepada pembangunan sahsiah keluarga, pengukuhan hubungan kekeluargaan serta keseimbangan peranan ahli keluarga.

Untuk makluman, 'KASIH Keluarga, Bahagia Bersama' yang dipilih sebagai tema Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 adalah seruan kepada penghayatan nilai KASIH merangkumi Kasih sayang yang mengukuhkan hubungan antara ahli keluarga, Akhlak mulia yang membentuk peribadi terpuji, gaya hidup Sihat dan selamat yang menjamin kesejahteraan fizikal dan mental serta pencapaian Ilmu yang memupuk pemikiran kritis dan celik maklumat ke arah mewujudkan suasana Harmoni dalam keluarga dan masyarakat, seterusnya menyumbang kepada kestabilan dan kemakmuran negara.

Turut hadir pada majlis sambutan ini, Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, Dato' Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT(KPWKM)**